

Headline **Digicert yakin pensijilan e-bisnes dapat sambutan**
Date **03 Oct 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **62 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **845**
PRValue **2,536**



Digicert yakin pensijilan e-bisnes dapat sambutan

DIGICERT Sdn Bhd, pihak berkuasa pensijilan tempatan yang membekalkan penyelesaian amanah bagi e-bisnes, yakin perkhidmatan pengesahan yang akan dilancarkannya pada suku pertama tahun depan akan mendapat sambutan.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Noor Azli Othman, berkata perkhidmatan itu akan membolehkan syarikat mengesahkan sijil digital yang dikeluarkan Digicert.

Digicert ialah kerjasama pintar antara POS Malaysia Bhd dan Mimos Bhd.

Ia menawarkan perkhidmatan pengurusan pengesahan seperti memeriksa latar belakang sesiapa yang ingin memohon atau membatalkan sijil serta membuat simpanan arkib.

“Produk akhirnya ialah sijil digital yang digunakan pelanggan sebagai bukti kelayakan untuk identiti maya atau lain-lain fungsi berkaitan keselamatan,” katanya selepas Digicert memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Universiti Kuala Lumpur di Kuala Lumpur semalam.